



3 Julai 2019
3 July 2019
P.U. (A) 183

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PENERBANGAN AWAM (PINDAAN) (NO. 2) 2019

CIVIL AVIATION (AMENDMENT) (NO. 2) REGULATIONS 2019

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENERBANGAN AWAM 1969

PERATURAN-PERATURAN PENERBANGAN AWAM (PINDAAN) (NO. 2) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Penerbangan Awam 1969 [*Akta 3*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam (Pindaan) (No. 2) 2019**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 4 Julai 2019.

Pindaan peraturan 2

2. Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 2016 [*P.U. (A) 97/2016*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 2 dengan memasukkan selepas takrif “ornitopter” takrif yang berikut:

‘ “pajakan” ertinya pajakan basah, pajakan kering atau pajakan lembap;’.

Pindaan peraturan 116

3. Peraturan 116 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “mendapatkan” dengan perkataan “memohon”; dan

(b) dengan memotong subperaturan (3).

Peraturan baharu 116A

4. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 116 peraturan yang berikut:

“Pajakan kapal udara antara pemegang-pemegang perakuan pengendali udara

116A. (1) Pemegang suatu perakuan pengendali udara yang dikeluarkan di bawah peraturan 110 yang berhasrat untuk memajak suatu kapal udara pemegang suatu perakuan pengendali udara yang dikeluarkan di bawah peraturan 110 yang lain hendaklah memohon kelulusan daripada Pihak Berkuasa.

(2) Permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat kepada Pihak Berkuasa mengikut peraturan 189.”.

Pindaan peraturan 117

5. Peraturan 117 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan perkataan “pemajakan” dengan perkataan “pajakan”.

Pindaan Jadual Ketiga

6. Jadual Ketiga kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam Bahagian C, dengan memasukkan selepas butiran 116 dan butir-butir yang berhubungan dengannya butiran dan butir-butir yang berikut:

“116A Pajakan kapal udara antara pemegang-pemegang perakuan pengendali udara”.

Dibuat 3 Julai 2019
[MOT.BU(S).600-5/1/11; PN(PU2)38/XI]

LOKE SIEW FOOK
Menteri Pengangkutan

CIVIL AVIATION ACT 1969

CIVIL AVIATION (AMENDMENT) (NO. 2) REGULATIONS 2019

IN exercise of the powers conferred by section 3 of the Civil Aviation Act 1969 [*Act 3*], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Civil Aviation (Amendment) (No. 2) Regulations 2019**.

(2) These Regulations come into operation on 4 July 2019.

Amendment of regulation 2

2. The Civil Aviation Regulations 2016 [*P.U. (A) 97/2016*], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in regulation 2 by inserting after the definition of “ornithopter” the following definition:

‘ “lease” means wet lease, dry lease or damp lease;’.

Amendment of regulation 116

3. Regulation 116 of the principal Regulations is amended—

(a) in subregulation (1), by substituting for the word “obtain” the words “apply for”; and

(b) by deleting subregulation (3).

New regulation 116A

4. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 116 the following regulation:

“Leasing of aircraft between holders of air operator certificate

116A. (1) The holder of an air operator certificate issued under regulation 110 who intends to lease an aircraft of another holder of an air operator certificate issued under regulation 110 shall apply for an approval of the Authority.

(2) An application under subregulation (1) shall be made to the Authority in accordance with regulation 189.”.

Amendment of regulation 117

5. Regulation 117 of the principal Regulations is amended in the national language text by substituting for the word “pemajakan” the word “pajakan”.

Amendment of Third Schedule

6. The Third Schedule to the principal Regulations is amended in Part C, by inserting after item 116 and the particulars relating to it the following item and particulars:

“116A Leasing of aircraft between holders of air operator certificate”.

Made 3 July 2019
[MOT.BU(S).600-5/1/11; PN(PU2)38/XI]

LOKE SIEW FOOK
Minister of Transport